

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 15

HUKUM SHISHA MENURUT PANDANGAN SYARAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443H bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum)

(Panduan Hukum) mengenai Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak. Setelah meneliti maklumat serta bukti-bukti perubatan dan saintifik terperinci yang dikemukakan dari dalam dan luar negara mengenai kesan dan kemudharatan besar yang dihadapi akibat daripada shisha terhadap kesihatan ummah, pembangunan ekonomi negara serta pembentukan generasi pada masa akan datang, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa Shisha adalah **haram**. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap Shisha atau menyediakan perkhidmatan menghisap shisha atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan Shisha.

Mesyuarat juga menegaskan bahawa pengharaman Shisha ini adalah berdasarkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan al-Hadith serta *Kaedah Fiqhiyyah* bagi memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara sepertimana tuntutan Syarak, kerana Shisha jelas memudharatkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara buruk atau keji.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 157 :

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

Maksudnya: “Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”.

Sabda Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: *"Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)"*.

(Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni)

Kaedah Usul Fiqh :

سد الذريعة

iaitu *"menutup pintu kerosakan"*

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

iaitu *"menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan"*

Tarikh : 24 Jun 2022
No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9
Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak